1223/1
Pendidikan Islam
Kertas 1
Okt/Nov
2023
Peraturan
Pemarkahan

**MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA**
**NEGERI SEMBILAN**

**PROGRAM PENINGKATAN AKADEMIK TINGKATAN LIMA**
**SEKOLAH-SEKOLAH NEGERI SEMBILAN 2023**

---

**PENDIDIKAN ISLAM**

**Kertas 1**

**PERATURAN PEMARKAHAN**

---

**UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA**

| AMARAN |
|---|
| Peraturan Pemarkahan ini **SULIT** dan **Hak Cipta MPSMNS**. Kegunaannya khusus untuk pemeriksa yang berkenaan sahaja. Sebarang maklumat di dalam Peraturan Pemarkahan ini tidak boleh dimaklumkan kepada sesiapa. Peraturan Pemarkahan ini tidak boleh dikeluarkan dalam apa jua bentuk penulisan dan percetakan. |

Peraturan Pemarkahan ini mengandungi 11 halaman bercetak.


**1223/1 (PP)** © 2023 *Hak Cipta MPSM Negeri Sembilan*

Selamat mengulangkaji dari telegram@soalanpercubaanspm



| No. Soalan | | | Jawapan | Markah |
|---|---|---|---|---|
| 1 | (a) | (i) | Maksud sunnatullah ialah sistem dan peraturan yang ditetapkan oleh Allah SWT terhadap semua makhluk (1m) dan tiada sesiapa yang boleh menghalang atau mengubah ketetapan tersebut. (1m) | [2 isi x 1m=2m] |
| | | (ii) | - Dapat mengenal pasti kejayaan umat terdahulu.<br>- Dapat mengetahui sebab kemusnahan umat terdahulu.<br>- Dapat dijadikan iktibar dalam kehidupan dengan berpegang teguh pada akidah yang benar dan berakhlak mulia. | [1 isi x 2m=2m] |
| | | (iii) | - Kita hendaklah menjadi pengembara di muka bumi (1m) supaya dapat mengetahui dan menyelidiki sunnatullah. (1m)<br>- Kita hendaklah mengkaji dan menyelidiki sejarah umat terdahulu (1m) agar menjadi pedoman dalam kehidupan. (1m)<br>- Kita hendaklah menyakini bahawa al-Quran ialah petunjuk ke arah kebenaran (1m) bagi orang yang beriman dan bertaqwa. (1m)<br>- Kita hendaklah menjauhi sikap lemah dan mudah berputus asa (1m) ketika menerima ujian dalam kehidupan. (1m)<br>- Kita hendaklah menyakini bahawa Allah SWT telah mengatur kehidupan manusia (1m) bersesuaian dengan peraturan dan ketetapan-Nya. (1m)<br>- Kita hendaklah menjaga keimanan (1m) agar beroleh kedudukan yang tinggi di sisi Allah SWT. (1m) | [2 isi x 2m =4m]<br><br>Catatan :<br>1 isi = 1m<br>1 huraian = 1m |
| | (b) | (i) | Maksud berdikari ialah berusaha sendiri (1m) dan tidak bergantung pada bantuan orang lain. (1m) | [2 isi x 1m=2m] |
| | | (ii) | - Memperkasakan daya saing masyarakat untuk mempertingkat taraf kehidupan.<br>- Masyarakat dapat menambah hasil pendapatan yang diyakini halal.<br>- Masyarakat dapat hidup harmoni tanpa mengamalkan sikap meminta-meminta. | [2 isi x 2m=4m] |



1223/1 (PP) © 2023 *Hak Cipta MPSM Negeri Sembilan*

<table>
<tr><th colspan="3">No. Soalan</th><th>Jawapan</th><th>Markah</th></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(iii)</td><td>KBAT<br>Rubrik penskoran:<br><table><tr><td>Menyatakan isi sahaja.</td><td>1m</td></tr><tr><td>Menjelaskan isi berserta huraian ringkas.</td><td>2m</td></tr><tr><td>Menghuraikan isi berserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong isi yang diberi.</td><td>3m</td></tr><tr><td>Merumus isi berserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong alasan yang diberi. Olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik.</td><td>4m</td></tr></table>Cadangan isi :<br>- Mewujudkan semangat untuk terus berusaha.<br>- Meyakini kemampuan diri melaksanakan sesuatu tugasan.<br>- Berusaha dengan bersungguh-sungguh.<br>- Membebaskan diri daripada bergantung kepada orang lain.<br>- Tidak mudah putus asa dan kecewa.<br>- Menggunakan potensi diri yang dikurniakan oleh Allah SWT.<br><br>Contoh Jawapan:<br>Sifat berdikari ini perlu ada dalam diri pelajar untuk mewujudkan semangat untuk terus berusaha dalam menimba ilmu pengetahuan. (1m) Ini bertujuan agar pelajar tidak mudah berputus ada dan kecewa apabila menemui kegagalan. (1m) Kesannya, pelajar akan berusaha menggunakan potensi yang ada untuk terus berjaya. (1m) Oleh itu, kita hendaklah sentiasa berdikari dan meyakini kemampuan diri dalam melaksanakan sesuatu tugasan agar sentiasa beroleh kejayaan dalam kehidupan. (1m)</td><td>[4 isi x 1m =4m]<br><br>Catatan :<br><br>Isi = 1m<br>Huraian = 1m<br>Huraian lengkap = 1m<br>Kesimpulan/ olahan menarik = 1m</td></tr>
<tr><td></td><td>(c)</td><td></td><td>- Qalqalah Sugra.<br>- Qalqalah Kubra.<br>- Qalqalah Akbar.</td><td>[2 isi x 1m = 2m]</td></tr>
<tr><td>2</td><td>(a)</td><td>(i)</td><td>Ar-Raqib ialah nama Allah yang menunjukkan bahawa Allah SWT yang Maha Mengawasi (1m)/ semua perbuatan dan keadaan makhlukNya. (1m)</td><td>[2 isi x 1m = 2m]</td></tr>
</table>

| No. Soalan | | | Jawapan | Markah |
|---|---|---|---|---|
| | | (ii) | - Allah SWT Maha Mengawasi manusia dalam aspek kepatuhan kepada perintah dan laranganNya.<br>- Allah SWT sentiasa mengawasi manusia dalam aspek hubungan sesama manusia. | [2 isi x 2m = 4m] |
| | | (iii) | KBAT<br><br>**Rubrik penskoran:**<br>Menyatakan isi sahaja. — 1m<br>Menjelaskan isi berserta huraian ringkas. — 2m<br>Menghuraikan isi berserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong isi yang diberi. — 3m<br>Merumus isi berserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong alasan yang diberi. Olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik. — 4m<br><br>**Cadangan isi :**<br>- Sentiasa mematuhi undang-undang.<br>- Merasakan diri sentiasa diperhatikan.<br>- Takut untuk melanggar peraturan.<br><br>**Contoh Jawapan:**<br>Orang yang beriman dengan sifat Allah ar-Raqib akan sentiasa mematuhi undang-undang jalan raya (1m). Hal ini kerana, dia sentiasa merasakan Allah SWT mengawasi dirinya (1m). Kesannya, akan melahirkan individu dan masyarakat yang lebih berdisiplin (1m). Kesimpulanya, kita hendaklah meningkatkan keimanan kepada Allah SWT agar hidup diredhai Allah SWT (1m). | [4 isi x 1m =4m]<br><br>Catatan :<br><br>Isi = 1m<br>Huraian = 1m<br>Huraian lengkap = 1m<br>Kesimpulan/ olahan menarik = 1m |
| | (b) | (i) | Ajaran yang didakwa sebagai ajaran Islam (1m)/ sedangkan hakikatnya bercanggah dengan al-Quran dan as-Sunnah (1m). | [2 isi x 1m = 2m] |



1223/1 (PP) © 2023 Hak Cipta MPSM Negeri Sembilan

| No. Soalan | | | Jawapan | Markah |
|---|---|---|---|---|
| | | (ii) | - Menolak kewajipan ibadah fardu.<br>- Beribadah dengan hanya berzikir bagi menggantikan solat.<br>- Menunaikan ibadat haji di tempat yang dianggap suci selain Mekah al-Mukarrah.<br>- Menghalalkan perzinaan atas nama nikah. | [2 isi x 1m = 2m] |
| | | (iii) | - Melemahkan iman dan merosakkan akidah.<br>- Menjatuhkan imej umat Islam.<br>- Melahirkan individu pasif dan pemalas.<br>- Membelanjakan wang pada jalan yang tidak berfaedah.<br>- Menggugat kestabilan politik.<br>- Memutuskan hubungan silaturahim dan persaudaran Islam. | [2 isi x 1m = 2m] |
| | | (iv) | - Mempelajari ilmu akidah yang sebenar (1m) berdasarkan Manhaj Ahli Sunnah Wal Jamaah. (1m)<br>- Memastikan amalan yang dilakukan benar-benar mengikut panduan al-Quran dan as-Sunnah (1m) agar hidup diberkati Allah. (1m)<br>- Menghindarkan diri daripada bergaul dengan orang yang dicurigai ilmu dan amalannya (1m) agar akidah sentiasa terpelihara. (1m)<br>- Mencari maklumat daripada sumber yang sahih (1m) supaya tidak terpengaruh dengan ajaran sesat. (1m)<br>- Berdoa memohon petunjuk Allah SWT (1m) agar sentiasa berada di jalan yang benar. (1m)<br>- Bertaubat kepada Allah SWT (1m) atas keterlanjuran mengikuti dan beramal dengan ajaran sesat. (1m) | [2 isi x 2m = 4m]<br><br>Catatan :<br>1 isi = 1m<br>1 huraian = 1m |
| 3 | (a) | (i) | Tempoh masa yang perlu dilalui oleh seorang isteri (1m) selepas pembubaran perkahwinan atau selepas kematian suami. (1m) | [2 isi x 1m=2m] |
| | | (ii) | a. 4 bulan 10 hari | [1 isi x 1m=1m] |
| | | | b. Tiada iddah | [1 isi x 1m=1m] |
| | | (iii) | - Menerima pinangan lelaki lain secara terang atau kiasan.<br>- Keluar daripada rumah yang disediakan oleh suami kecuali untuk keperluan yang dibenarkan oleh syarak.<br><br>**Catatan :** Berhias diri – tidak diterima. | [2 isi x 1m=2m] |


1223/1 (PP) © 2023 *Hak Cipta MPSM Negeri Sembilan*

<table>
<tr><th>No. Soalan</th><th>Jawapan</th><th>Markah</th></tr>
<tr><td>(b) (i)</td><td>
- Islam<br>
- Baligh<br>
- Berakal<br>
- Merdeka<br><br>
Catatan : Istita'ah tidak diterima.
</td><td>[2 isi x 1m=2m]</td></tr>
<tr><td>(ii)</td><td>
- Cukup perbelanjaan mengerjakan haji dan umrah pergi dan balik.<br>
- Cukup keperluan nafkah asas / perbelanjaan bagi orang di bawah tanggungan.
</td><td>[2 isi x 1m=2m]</td></tr>
<tr><td>(iii)</td><td>
<table>
<tr><th>Aspek</th><th>Haji</th><th>Umrah</th></tr>
<tr><td>Waktu</td><td>Dikerjakan pada bulan-bulan haji sahaja.</td><td>Pada bila-bila masa sepanjang tahun.</td></tr>
<tr><td>Rukun</td><td>Wajib wukuf.</td><td>Tiada wukuf.</td></tr>
<tr><td rowspan="4">Perkara Wajib</td><td>Bermalam di Muzdalifah.</td><td>Tiada bermalam di Muzdalifah.</td></tr>
<tr><td>Melontar Jamrah al-Kubra / Aqabah.</td><td>Tiada melontar Jamrah al- Kubra / Aqabah.</td></tr>
<tr><td>Bermalam di Mina.</td><td>Tiada bermalam di Mina.</td></tr>
<tr><td>Melontar ketiga-tiga Jamrah.</td><td>Tiada melontar ketiga-tiga jamrah.</td></tr>
</table>
<br>
Catatan :<br>
- Isi = 1m.<br>
- Perbezaan mesti selari/berpasangan.<br>
- Perbezaan tanpa dibuat jadual ( menyenaraikan) juga mesti selari.<br>
- Menyatakan isi tanpa perbezaan = 0m.<br>
- Kedua-dua belah lajur ada jawapan tapi perbezaan salah = 1m bagi jawapan yang betul.
</td><td>[2 isi x 2m=4m]</td></tr>
</table>

[Lihat halaman sebelah

| No. Soalan | | | Jawapan | Markah |
|---|---|---|---|---|
| | (c) | (i) | - Riba<br>- Gharar<br>- Judi<br>- Dharar | [2 isi x 1m=2m] |
| | | (ii) | KBAT<br>**Rubrik penskoran**<br><table><tr><td>Menyatakan isi sahaja.</td><td>1m</td></tr><tr><td>Menjelaskan isi berserta huraian ringkas.</td><td>2m</td></tr><tr><td>Menghuraikan isi berserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong isi yang diberi.</td><td>3m</td></tr><tr><td>Merumus isi berserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong alasan yang diberi. Olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik.</td><td>4m</td></tr></table><br>**Cadangan isi :**<br>- Ingin cepat kaya.<br>- Mudah terpengaruh dengan hawa nafsu/pujukan.<br>- Jahil/kurang ilmu pengetahuan.<br>- Penguatkuasaan undang-undang yang lemah.<br>- Maklumat palsu yang mudah tersebar memalui media sosial.<br><br>**Contoh Jawapan:**<br>Situasi tersebut berlaku disebabkan perasaan ingin cepat kaya (1m) tanpa perlu berusaha gigih. (1m) Kesannya mereka menerima tawaran pelaburan tanpa berfikir panjang. (1m) Kesimpulannya kita hendaklah melakukan muamalah berdasarkan prinsip-prinsip agar kehidupan sejahtera. (1m) | [4 isi x 1m=4m]<br><br>Catatan :<br><br>Isi = 1m<br>Huraian = 1m<br>Huraian lengkap = 1m<br>Kesimpulan/ olahan menarik = 1m |
| 4 | (a) | (i) | - Menetapkan Bahasa Arab sebagai bahasa rasmi dalam urusan pentadbiran negara.<br>- Mencetak mata wang dinar Islam pertama bertulisan arab dan berteks al-Quran.<br>- Menaik taraf perkhidmatan pos.<br>- Menaik taraf sistem pengangkutan awam.<br>- Menubuhkan Diwan al-Jund untuk mengurus pertahanan negara.<br>- Mengarahkan pembinaan Qubbatus Sakhrah di Baitul Maqdis. | [2 isi x 1m=2m] |

Selamat mengulangkaji dari telegram@soalanpercubaanspm

[Lihat halaman sebelah



1223/1 (PP) © 2023 Hak Cipta MPSM Negeri Sembilan

| No. Soalan | | | Jawapan | Markah |
|---|---|---|---|---|
| | | (ii) | - Khalifah mengamalkan cara hidup mewah dan boros dalam perbelanjaan hingga menimbulkan rasa tidak puas hati rakyat.<br>- Keruntuhan moral dalam kalangan khalifah kerana cenderung kepada hiburan dan kekejaman. | [2 isi x 2m=4m] |
| | | (iii) | - Kita hendaklah memartabatkan ajaran al-Quran dan as-Sunnah dalam urusan kepimpinan (1m) agar syariat Islam ditegakkan. (1m)<br>- Kita hendaklah mencontohi sifat-sifat mulia yang ada pada khalifah Islam (1m) seperti zuhud, tegas, berilmu, dan bijaksana. (1m)<br>- Kita hendaklah menjaga hubungan baik antara pemimpin dengan rakyat (1m) agar hidup aman dan harmoni. (1m)<br>- Kita hendaklah menjaga kebajikan sesama rakan (1m) agar dapat mengeratkan kasih sayang. (1m)<br>- Kita hendaklah memiliki semangat jihad yang tinggi (1m) dalam mempertahankan kedaulatan negara. (1m)<br>- Kita hendaklah berusaha meningkatkan ilmu pengetahuan (1m) agar dapat memberi sumbangan kepada umat Islam. (1m) | [2 isi x 2m=4m]<br><br>Catatan :<br>1 isi = 1m<br>1 huraian = 1m |
| | (b) | (i) | - Nama penuh : Ahmad bin Muhammad Ibrahim<br>- Tarikh lahir : 15 Mei 1916<br>- Tarikh wafat : 17 April 1999<br>- Gelaran : Profesor Emeritus Tan Sri Doktor | [2 isi x 1m=2m] |
| | | (ii) | - Merupakan anggota panel pengasas Kuliah Undang-undang di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.<br>- Pengasas dan penggubal Enakmen Undang-undang Islam (Hudud dan Kisas) Kelantan pada tahun 1991. | [2 isi x 2m=4m] |
| | | (iii) | - Kita hendaklah mencontohi kegigihan Professor Ahmad bin Ibrahim dalam menuntut ilmu (1m) sebagai bukti kecintaan terhadap ilmu. (1m)<br>- Kita hendaklah berusaha untuk menjadi insan yang lebih dinamik (1m) supaya dapat berbakti kepada masyarakat dan negara. (1m)<br>- Kita hendaklah bekerjasama dalam pembangunan negara (1m) supaya negara dihormati di peringkat antarabangsa. (1m) | [2 isi x 2m =4m]<br><br>Catatan :<br>1 isi = 1m<br>1 huraian = 1m |


1223/1 (PP) © 2023 Hak Cipta MPSM Negeri Sembilan

| No. Soalan | | | Jawapan | Markah |
|---|---|---|---|---|
| | | | - Kita hendaklah bersifat cekal menyebarkan dakwah Islamiah (1m) agar masyarakat dapat memahami Islam yang sebenar. (1m)<br>- Kita hendaklah menyebarkan ilmu dan kepakaran yang dimiliki(1m) agar dapat memberi manfaat kepada agama, bangsa dan negara. (1m) | |
| 5 | (a) | (i) | Maksud kecemerlangan ialah pendekatan yang terbaik dalam melakukan kebaikan (1m) dan mencegah kemungkaran serta berkeyakinan teguh pada Allah SWT. (1m) | [2 isi x 1m=2m] |
| | | (ii) | - Melakukan kebaikan (1m) seperti memakmurkan bumi, membangunkan negara dan membasmi kemiskinan (1m).<br>- Mencegah diri daripada melakukan kezaliman, kefasikan dan kekejaman (1m) agar hidup aman harmoni (1m) .<br>- Menggunakan kekayaan di dunia untuk mendapatkan keredaan Allah SWT (1m) seperti memperbanyakkan sedekah (1m).<br>- Melakukan semua tugas dan pekerjaan dengan ikhlas kerana Allah SWT (1m) agar mendapat keberkatan (1m). | [2 isi x 2m=4m]<br><br>Catatan :<br><br>1 isi = 1m<br>1 huraian = 1m |
| | | (iii) | KBAT<br>**Rubrik penskoran**<br><br>Menyatakan isi sahaja. — 1m<br>Menjelaskan isi berserta huraian ringkas. — 2m<br>Menghuraikan isi berserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong isi yang diberi. — 3m<br>Merumus isi berserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong alasan yang diberi. Olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik. — 4m<br><br>**Cadangan isi :**<br>- Wasatiyyah mengajar kesederhanaan dalam kehidupan.<br>- Seimbang dalam semua keadaan.<br>- Wasatiyyah menekankan aspek keadilan.<br>- Wasatiyyah membawa kepada kecemerlangan umat. | [4 isi x 1m=4m]<br><br>Catatan :<br><br>Isi = 1m<br>Huraian = 1m<br>Huraian lengkap = 1m<br>Kesimpulan/ olahan menarik = 1m |

[Lihat halaman sebelah

| No. Soalan | | | Jawapan | Markah |
|---|---|---|---|---|
| | | | **Contoh Jawapan**:<br>Pada pandangan saya, masyarakat Islam perlu menampilkan kesederhanaan yang diajar oleh Islam kepada masyarakat bukan Islam (1m). Sebagai contoh melayan mereka dengan baik walaupun berlainan agama (1m). Kesannya mereka akan memberikan pandangan positif terhadap masyarakat Islam (1m). Kesimpulannya, kita hendaklah mengamalkan nilai-nilai murni dalam kehidupan agar bahagia di dunia dan di akhirat (1m). | |
| | (b) | (i) | - Sentiasa mengekalkan ekosistem kehidupan flora dan fauna.<br>- Sentiasa memelihara dan memulihara alam sekitar.<br>- Sentiasa berusaha mengekalkan keceriaan dan kebersihan alam sekitar.<br>- Sentiasa menjaga kelestarian alam.<br>- Sentiasa mengamalkan cara hidup yang mesra alam.<br>- Sentiasa berhemah dan tidak membazir menggunakan sumber air. | [2 isi x 1m=2m] |
| | | (ii) | - Melahirkan insan yang mencintai alam sekitar (1m) kerana menyedari tanggungjawab yang diamanahkan. (1m)<br>- Melapangkan fikiran dan menenangkan jiwa (1m) kerana melihat keindahan alam. (1m)<br>- Menikmati persekitaran yang bersih dan bebas daripada wabak penyakit (1m) kerana pembudayaan cinta akan alam sekitar.(1m)<br>- Melestarikan alam sekitar yang indah (1m) untuk dimanfaatkan kepada generasi akan datang. (1m)<br>- Meningkatkan pendapatan negara (1m) kerana melaksanakan aktiviti eko-pelancongan. (1m) | [2 isi x 2m=4m]<br><br>Catatan:<br>1 isi = 1m<br>1 huraian = 1m |

[Lihat halaman sebelah
 © 2023 *Hak Cipta MPSM Negeri Sembilan*

<table>
<tr><th>No. Soalan</th><th>Jawapan</th><th>Markah</th></tr>
<tr><td>(iii)</td><td>KBAT<br>Rubrik penskoran<br><br>Menyatakan isi sahaja. | 1m<br>Menjelaskan isi berserta huraian ringkas. | 2m<br>Menghuraikan isi berserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong isi yang diberi. | 3m<br>Merumus isi berserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong alasan yang diberi. Olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik. | 4m<br><br>Cadangan isi :<br>- Melaporkan sebarang aktiviti yang menyalahi undang-undang/ menguatkuasakan undang-undang.<br>- Mengadakan program pembangunan sungai.<br>- Menggalakkan program Sungai Angkat.<br>- Menganjurkan program ekspedisi sungai.<br>- Tahap pendidikan masyarakat dapat ditingkatkan.<br>- Mewujudkan program pendidikan dengan melibatkan pelajar.<br><br>Contoh Jawapan:<br>Bagi memastikan kempen di atas berjaya, masyarakat perlu melaporkan sebarang aktiviti yang menyalahi undang-undang (1m) seperti pembuangan sisa toksik ke dalam sungai (1m). Kesannya pencemaran sungai dapat dielakkan (1m). Kesimpulannya, kita hendaklah menjaga alam sekitar sebaik mungkin supaya keindahannya dapat dinikmati dan dimanfaatkan oleh generasi akan datang (1m).</td><td>[4 isi x 1m=4m]<br><br>Catatan :<br><br>Isi = 1m<br>Huraian = 1m<br>Huraian lengkap = 1m<br>Kesimpulan/ olahan menarik = 1m</td></tr>
</table>

**PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT**